

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]
TARIKH : 05 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 12

Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai cadangan untuk menaikkan cukai dan duti ke atas rokok, produk tembakau, arak dan judi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, barang-barang yang dikategorikan sebagai *demerit goods* seperti produk tembakau, rokok dan minuman keras dikenakan cukai tidak langsung yang meliputi duti import, duti eksais dan cukai jualan. Bagi aktiviti perjudian, antara cukai yang dikenakan adalah cukai perjudian, duti pertaruhan, duti kasino dan duti mesin slot. Pengenaan duti/cukai ini bertujuan untuk mengimbangi *externalities* negatif yang wujud kesan daripada pengambilan dan penggunaan produk dan aktiviti yang tidak digalakkan. Kerajaan sentiasa mengkaji kadar duti/cukai ke atas produk dan aktiviti tersebut dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Sebagai contoh, kadar duti eksais ke atas produk tembakau dan rokok telah dikaji dan dinaikkan pada tahun 2015. Langkah ini adalah selaras dengan saranan di bawah *World Health Organisation Framework Convention On Tobacco Control (WHO FCTC)* supaya komponen cukai secara purata hendaklah mencapai 70% daripada harga jualan pada sekotak rokok. Bagi minuman keras, langkah menaikkan kadar duti/cukai telah dilaksanakan pada tahun 2016 di mana struktur duti eksais minuman keras telah diubah kepada bentuk spesifik berdasarkan kandungan alkohol bagi seliter produk. Selain itu, cukai jualan ke atas produk rokok dan minuman keras turut dikenakan pada kadar 10% mulai 1 September 2018 di mana ianya adalah lebih tinggi berbanding cukai jualan pada kadar 5% yang dikenakan sebelum era pelaksanaan GST.

Bagi aktiviti perjudian, Kerajaan telah melaksanakan kajian semula struktur kadar duti seperti duti kasino, duti kelab persatuan dan duti kelab syarikat serta fi dan bayaran lesen yang telahpun dinaikkan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019. Sebarang perancangan bagi mengkaji dan meningkatkan kadar duti/cukai memerlukan kajian menyeluruh dengan mengambil kira keberkesanan pelaksanaan langkah peningkatan duti/cukai yang sedang berkuatkuasa serta keadaan pasaran dan langkah-langkah penguatkuasaan bagi membendung aktiviti penyeludupan yang berlaku susulan kenaikan harga jualan yang disebabkan oleh faktor duti/cukai yang tinggi.